

FOKUS EIMAS



BIL.1/2020

EDISI JANUARI – MAC 2020

PROGRAM KURSUS ASAS PEGAWAI BARU BAGI PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C29 15 JANUARI – 8 FEBRUARI 2020^{MS. 1}



Program Kecergasan dan *Team Bonding* Bagi
Kursus Asas Pegawai Baru Sesi 2020

MS. 2

Perhimpunan Bulanan EiMAS Bil.2/2020

MS. 4

Perhimpunan Bulanan EiMAS Bil 1/2020

MS. 3

Mesyuarat Agung Tahunan KESUMAS
Bil 2/ 2020

MS. 5

FOKUS EIMAS

BIL.1/2020

EDISI JANUARI - MAC 2020

SIDANG REDAKSI EDISI JANUARI - MAC 2020

PENASIHAT

Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, s.m.s
Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
sz@doe.gov.my

PENGARANG

Puan Rosnani Binti Ahmad Kasrin
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Korporat & Perpustakaan
rak@doe.gov.my

Encik Zaidi Bin Mohamed@Awang
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Bahan Berbahaya
zaidi@doe.gov.my

Puan Siti Zubaidah Binti Ibrahim
Penolong Pegawai Tadbir & Kewangan
Unit Pentadbiran & Kewangan
sitizubaidah@doe.gov.my

PENYELARAS & REKABENTUK

Puan Mazleen Binti Othman
Pustakawan
Unit Perpustakaan
mazleen@doe.gov.my

Encik Mohamad Shafiq Bin Mohd Shakri
Penolong Pustakawan
Unit Perpustakaan
mshafiq@doe.gov

Puan Hillney Binti Sedan
Pembantu Pustakawan
Unit Perpustakaan
hillney@doe.gov.my

FOKUS EIMAS

BIL.1/2020

EDISI JANUARI – MAC 2020

ISI KANDUNGAN

1. Program Kursus Asas Pegawai Baru Bagi Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred 29 Sesi 1/2020, 15 Januari – 8 Februari 2020 MS 1
2. Program Kecergasan & *Team Bonding* Bagi Kursus Asas Pegawai Baru Sesi 2020, 23 Januari 2020 MS 2
3. Perhimpunan Bulanan EIMAS Siri 1/2020, 7 Januari 2020 MS 3
4. Perhimpunan Bulanan EIMAS Siri 2/2020 , 12 Mac 2020 MS 4
3. Mesyuarat Agung Tahunan KESUMAS Bil 2/2020, 12 Mac 2020 MS 5-6
6. Penyerahan Hand Sanitizer & Vitamin C oleh Kelab Sukan dan Kebajikan EIMAS (KESUMAS), 12 Mac 2020 MS 7-8
7. Bengkel Fotografi & Penulisan Kapsyen Bagi Penyelaras E-Museum Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2020, 10-11 Mac 2020 MS 9-10
8. Bengkel Sistem E-Perolehan bagi Institut Alam Sekitar Malaysia, 24 – 26 Februari 2020 MS 11

**PROGRAM KURSUS ASAS
PEGAWAI BARU BAGI PENOLONG
PEGAWAI KAWALAN ALAM
SEKITAR GRED C29
15 JANUARI – 8 FEBRUARI 2020**



Majlis Perasmian Program Kursus Asas Pegawai Baru Bagi Penolong Pegawai Kawalan Gred C29 oleh Puan Siti Zaleha Bt Ibrahim, Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia (*EiMAS*) telah diadakan pada 15 Januari – 8 Februari 2020. Seramai 28 orang Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar baru lantikan tahunan 2020 sebelum ditempatkan bertugas di JAS Negeri/Cawangan.



PROGRAM KECERGASAN DAN *TEAM BONDING* BAGI PROGRAM KURSUS ASAS PEGAWAI BARU PPK C29 SIRI 1/2020, 23 JANUARI 2020



Tempat: Gelanggang Sukan EiMAS
Anjuran: Pusat Korporat & Perpustakaan



Program Kecergasan dan Team Bonding diantara Peserta Kursus Asas PPK C29 dan Warga EiMAS, telah diadakan pada 23 Januari 2020(Khamis) dengan penyertaan semua warga EiMAS.

Penganjuran program sebegini dapat mewujudkan hubungan baik dan memupuk semangat kerja berpasukan dan individu yang komited dalam mengendalikan sesuatu program. Selain itu melalui sukan juga dilihat mampu melahirkan pekerja yang cemerlang, sihat dan aktif dari segi mental dan fizikal.

Antara aktiviti dalam program tersebut adalah senamrobik, permainan bola jaring wanita dan permainan futsal lelaki. Program ini berakhir dengan penyampaian hadiah dan sijil penyertaan oleh Pengarah EiMAS, Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S. kepada semua peserta kursus.





PERHIMPUNAN BULANAN E*i*MAS BIL.1/2020, 7 JANUARI 2020

Tempat : Bilik Melur, E*i*MAS

Anjuran: Pusat Korporat dan Perpustakaan

Perhimpunan Bulanan E*i*MAS Bil.1/2020 telah diadakan pada 7 Januari 2020.

Dalam amanat Puan Pengarah adalah, beliau memohon agar warga E*i*MAS sentiasa bekerjasama dalam mengekalkan E*i*MAS sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Latihan Alam Sekitar. Beliau juga mengingatkan semua warga E*i*MAS untuk memastikan integriti berada di tahap yang tinggi.

“warga E*i*MAS perlu memastikan integriti berada ditahap yang tinggi..”



Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, s.m.s
Pengarah E*i*MAS

PERHIMPUNAN BULANAN EIMAS BIL. 2 / 2020, 12 MAC 2020

Tempat : Auditorium, EIMAS
Anjuran: Pusat Korporat dan Perpustakaan

Perhimpunan Bulanan EIMAS Bil.2/2020 telah diadakan pada 12 Mac 2020.

Dalam amanatnya, Puan Pengarah EIMAS mengingatkan semua warga EIMAS untuk memastikan tahap kesihatan berada dalam keadaan yang baik kerana penularan pandemik Covid-19 yang melanda rakyat di Malaysia secara khusus dan seluruh dunia secara amnya.

Pada perhimpunan tersebut, Puan Pengarah telah menyampaikan sijil penghargaan kepada pegawai-pegawai EIMAS di atas semubangan dan pencapaian kerja cemerlang pada tahun 2019/2020.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESUMAS BIL.2/ 2020, 12 MAC 2020

Tempat : Auditorium, EiMAS
Anjuran: KESUMAS



Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan Institut Alam Sekitar Malaysia (KESUMAS) telah diadakan pada 12 Mac 2020 dengan kehadiran seramai 43 orang ahli termasuk Exco.

Mesyuarat mengalu-alukan kehadiran Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S selaku Penaung KESUMAS dan seterusnya merasmikan mesyuarat tersebut.

Pembentangan program dan aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan oleh setiap Biro. Tahniah diucapkan kepada Pengerusi KESUMAS Encik Zaidi bin Mohamed@Awang dan semua ahli KESUMAS khususnya barisan Exco yang telah memberikan sumbangan sepanjang tahun 2019.





Penyampaian Hadiah Hari Lahir Kepada Ahli KESUMAS





PENYERAHAN HAND SANITIZER & VITAMIN C OLEH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN EIMAS (KESUMAS), 12 MAC 2020

Tempat : Auditorium, EIMAS

Anjuran: Kelab Sukan & Kebajikan EIMAS





Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Institut Alam Sekitar Malaysia (KESUMAS) telah berjaya menganjurkan Majlis Penyerahan “Hand Sanitizer’ & Vitamin C (Bocalex) kepada semua pegawai EiMAS pada 12 Mac 2020 bertempat di Auditorium,EiMAS.

Ini merupakan salah satu usaha yang telah diambil untuk menghadapi penularan pandemik COVID-19 di EiMAS khususnya.



COVID-19

#KitaTeguhKitaMenang

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



1 Wash (Cuci)



Kerap cuci tangan dengan air dan sabun

2 Wear (Pakai)



Pakai pelitup muka

3 Warn (Amaran)



Jangan bersalaman atau bersentuhan



Amalkan etika batuk dan bersin



Lakukan disinfeksi




Duduk rumah



Dapatkan rawatan jika bersejara



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MYHEALTHKKM



SCAN ME

INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA

(EiMAS)



BENGGKEL FOTOGRAFI & PENULISAN KAPSYEN BAGI PENYELARAS E-MUSEUM JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) 2020, 10-11 MAC 2020

Unit Perpustakaan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Bengkel Fotografi Dan Penulisan Kapsyen Bagi Penyelaras E-MUSEUM Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 10 hingga 11 Mac 2020 (Selasa & Rabu), bertempat di Bilik Seroja, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS). Seramai 20 peserta dari JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan EiMAS telah hadir.

Objektif bengkel ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui teknik asas dan kaedah terbaik untuk mengambil gambar menggunakan kamera *DSLR* dan smart phone, dan memberi pendedahan kepada peserta bengkel tentang kaedah menulis kapsyen yang berkesan bagi setiap gambar yang diambil. Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari oleh peserta akan dapat digunakan untuk pengambilan gambar dan penulisan kapsyen dalam pelbagai situasi dan program berkaitan dengan bidang tugas masing-masing di JAS.



Tempat: Bilik Seroja, EiMAS

Anjuran: Unit Perpustakaan EiMAS

**BENKEL FOTOGRAFI & PENULISAN KAPSYEN BAGI PENYELARAS
E-MUSEUM JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) 2020,
10-11 MAC 2020**



Tempat Pertama Pertandingan Fotografi



Tempat Kedua Pertandingan Fotografi



Tempat Ketiga Pertandingan Fotografi



Urusetia Program



BENGGKEL SISTEM E-PEROLEHAN EiMAS, 24-26 FEBRUARI 2020

Tempat: Bilik Seroja, EiMAS
Anjuran: Unit Pentadbiran & Kewangan

Unit Pentadbiran dan Kewangan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Bengkel Sistem ePerolehan Kerajaan pada 24-26 Februari 2020 (Isnin-Rabu) bertempat di bilik Seroja, EiMAS.

Objektif bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memberi pemahaman yang jelas tentang keseluruhan proses bagi melaksanakan perolehan secara kontrak pusat/sistem panel, pembelian terus, sebut harga dan tender bekalan/perkhidmatan bukan perunding menggunakan sistem ePerolehan (eP) Kerajaan.

Peserta bengkel ini seramai 15 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan EiMAS. Ceramah ini telah disampaikan oleh Puan Nurul Aini Nabilah Binti Abd Hamid, pegawai dari Commercedotcom (CDC).





INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)

Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No. 24
43600 UKM Bangi
SELANGOR



03-8926 1500



03-8926 1700



www.doe.gov.my/eimasv2